

03 APR 2000

Musa-Reaksi

SURUHANJAYA BUKTI KESUNGGUHAN K'JAAN DALAM SOAL HAK ASASI, KATA MUSA

KUALA LUMPUR, 3 April (Bernama) -- Tan Sri Musa Hitam yang hari ini dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia berkata, penubuhan badan itu dan pelantikan beliau membuktikan kesungguhan kerajaan dalam usaha membangkitkan kesedaran di kalangan rakyat mengenai soal hak asasi manusia.

Bekas Timbalan Perdana Menteri itu berkata, ia juga menunjukkan bagaimana kerajaan mahu semua pihak bersama-sama memikul tanggungjawab memupuk semua aspek pemeliharaan dan perkembangan konsep hak asasi di negara ini.

Beliau berbangga kerana dapat mengetuai barisan anggota suruhanjaya yang sudahpun terkenal sebagai personaliti yang memegang rekod cemerlang dalam perkhidmatan masing-masing kepada masyarakat.

"Dengan sama-sama kita memikul tanggungjawab, Insyallah kita pasti dapat menjalankan tugas kita dengan bermuafakat, jujur, ikhlas, sabar dan dengan penuh tanggungjawab," katanya dalam satu kenyataan di sini.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar mengumumkan perlantikan Musa dan nama-nama 12 anggota suruhanjaya berkenaan di Wisma Putra pagi ini. Perlantikan mereka berkuatkuasa serta-merta.

Musa mengucapkan terima kasih kepada Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan kerajaan Malaysia kerana memberikan penghormatan dan kepercayaan dengan memilihnya sebagai pengerusi pertama suruhanjaya itu.

Beliau turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Syed Hamid atas penubuhan badan berkenaan.

Musa berkata beliau banyak berdialog dengan Dr Mahathir dan Syed Hamid mengenai perkara itu.

"Dr Mahathir terutamanya telah mengambil sikap yang begitu positif dan ini sangat menggalakkan," katanya lagi.

Kementerian Luar dipertanggungjawab menyediakan semua aspek penubuhan dan pentadbiran suruhanjaya itu.

Musa berharap dapat menyusun, mengatur dan memperkenalkan suruhanjaya itu kepada masyarakat dalam tempoh dua tahun memegang jawatan sebagai pengerusi.

"Saya dan rakan-rakan akan mengenal pasti keutamaan tugas secepat mungkin. Kita tentulah akan mengambil sedikit masa dengan pelbagai tindakan pengurusan tanggungjawab dan jadual-jadual mesyuarat," katanya.

Beliau tidak bercadang mengeluarkan apa-apa kenyataan tambahan sehingga selepas bermesyuarat dengan semua anggota suruhanjaya.

Musa telah memegang pelbagai jawatan di peringkat antarabangsa dan yang terbaru beliau mengetuai perwakilan Malaysia ke Suruhanjaya Hak Asasi Manusia PBB dari 1993 hingga 1998 dan dilantik pengerusi suruhanjaya itu pada 1995.

Anggota-anggota lain suruhanjaya itu terdiri daripada bekas-bekas hakim dan aktivis sosial.

Bekas-bekas hakim itu ialah Tan Sri Harun Mahmud Hashim yang kini merupakan profesor undang-undang Universiti Islam Antarabangsa; Tan Sri Anuar Zainal Abidin yang mempengerusikan Suruhanjaya Siasatan Diraja menyiasat kecederaan Datuk Seri Anwar Ibrahim semasa dalam tahanan polis; Fellow Institut Timbangtara Malaysia Datuk Mahadev Shankar.

Anggota-anggota lain ialah bekas timbalan menteri kesihatan Datuk K. Pathmanaban; pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Tan Sri Simon Sipaun; presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia Datuk Dr Salleh Mohamed Nor; aktivis Pengguna Profesor Hamdan Adnan;

Aktivis sosial Datuk Lee Lam Thye; peguam dan aktivis Puan Mehrun

Siraj; aktivis isu-isu wanita Dr Chiam Heng Keng; pakar bedah, pensyarah dan aktivis kelahiran Sarawak Dr Mohammad Hirman Ritom Abdullah; dan penganalisis dan aktivis Zainah Anwar.

Sementara itu, pengerusi kebangsaan DAP Lim Kit Siang berkata suruhanjaya itu tidak akan dapat menjalankan mandatnya untuk menggalakkan dan melindungi hak asasi manusia di Malaysia selagi ia tidak diberi bidang kuasa yang luas untuk menangani masalah hak asasi manusia di negara ini.

Bagaimanapun katanya, anggota-anggota suruhanjaya itu mewakili pelbagai sektor masyarakat.

-- BERNAMA

MAM PR